



**PENGERUSI JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
MERANGKAP AHLI PARLIMEN ROMPIN
PEJABAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN MALAYSIA, JALAN PARLIMEN
50680 KUALA LUMPUR**

Tel : 03-2601 7263 / 2698 6852 (DL)
Faks : 03-2698 9218
Email : pacparlimen@parlimen.gov.my
Laman Web : <http://www.parlimen.gov.my/pac>

2 November 2016

**KENYATAAN MEDIA YB DATO' SRI HASAN BIN ARIFIN, PENGERUSI
JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN
MENGENAI PEMBENTANGAN LAPORAN PAC PENGURUSAN LESEN IKLAN / PAPAN
TANDA DI KUALA LUMPUR DI BAWAH KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN /
DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR (DBKL).**

- 1) PAC Parlimen hari ini, membentangkan Laporan PAC berhubung Pengurusan Lesen Iklan / Papan Tanda di Kuala Lumpur yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2013 Siri 2.
- 2) Prosiding terhadap isu ini, dibincangkan PAC Parlimen pada 29 Oktober 2014 dan dihadiri Datuk Seri Adnan bin Md Ikhsan, Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan dan Mantan Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Ahmad Phesal bin Talib.
- 3) Dalam prosiding berkenaan, PAC Parlimen meneliti isu-isu seperti berikut:
 - i) Bayaran tidak dijelaskan / tertunggak sehingga bulan Disember 2012 bagi lesen Iklan Papan Tanda Premis dan Paparan Iklan Luar adalah berjumlah RM128.14 juta dan RM10.21 juta.
 - ii) Proses permohonan lesen kurang mesra pengguna dan terdapat permohonan yang diluluskan sungguhpun tidak mematuhi syarat yang ditetapkan;
 - iii) Sistem maklumat yang dibangunkan untuk membantu menyimpan data penting mengenai Lesen Iklan / Papan Tanda seperti e-Lesen yang bernilai RM1.19 juta didapati tidak tepat dan mempunyai ralat manakala *Billboard Management System* (BMS) yang bernilai RM1.60 juta antaranya didapati mempunyai masalah input dan masalah pemasangan *i-Tag*;

- iv) Ketidakpatuhan terhadap Undang-undang/Garis Panduan yang ditetapkan bagi lesen yang diluluskan seperti ketidakpatuhan syarat kelulusan; perubahan tapak / kategori iklan; struktur iklan yang tidak mematuhi peraturan ditetapkan dan kadar bayaran yang tidak konsisten;
 - v) Kelemahan dalam proses pembaharuan dan pengurusan tunggakan fi yang menjaskankan terimaan / hasil DBKL; dan
 - vi) Keberkesanan aspek penguatkuasaan yang meliputi pengenaan kompaun dan penurunan struktur lesen didapati kurang berkesan.
- 4) Sehubungan itu, PAC Parlimen membuat rumusan bahawa:
- i) PAC Parlimen mengambil maklum bahawa terdapat langkah-langkah penambahbaikan yang telah dan akan diambil oleh DBKL terhadap isu berbangkit berhubung Pengurusan Lesen Iklan / Papan Tanda Di Kuala Lumpur.
 - ii) PAC Parlimen juga mengambil maklum dan menghargai pendekatan baru yang digunakan oleh DBKL melalui e-PBT yang menggantikan sistem SAP mulai tahun 2014. Bagaimanapun, PAC berpandangan sistem SAP versi baru lebih efektif dan memudahkan proses integrasi data serta lebih sesuai digunakan.
 - iii) PAC Parlimen turut sedia maklum mengenai masalah pengukuhan Unit Audit Dalam (UAD) DBKL yang hanya diketuai oleh gred W48 berbanding bebanan kerja mengaudit projek DBKL dengan peruntukan perbelanjaan melebihi RM2 bilion. Selain itu, PAC Parlimen berpandangan bahawa kaedah pelaporan UAD secara terus kepada Datuk Bandar boleh mendedahkan kepada risiko kebebasan dan perlu dikaji semula.

- 5) Berikutan itu, PAC Parlimen mengesyorkan kepada Kerajaan beberapa perkara seperti berikut:
- a. Sistem maklumat bagi Pengurusan Lesen Iklan / Papan Tanda Di Kuala Lumpur wajar diperkemaskan dan dipertingkatkan bagi mengatasi kelemahan berbangkit.
 - b. Adalah lebih wajar sekiranya UAD melapor kepada peringkat yang lebih tinggi seperti Lembaga Penasihat DBKL berbanding struktur sedia ada iaitu kepada Datuk Bandar. Ini bagi mengelakkan isu tadbir urus dan percanggahan kepentingan berlaku di DBKL.
 - c. DBKL perlu memastikan kontrak-kontrak penswastaan yang ditawarkan kepada syarikat yang mengendalikan iklan papan tanda di Kuala Lumpur dibuat secara terbuka supaya lebih telus dan Kerajaan mendapat *best value for money*.
 - d. DBKL perlu memastikan agar ketidakpatuhan peraturan yang dibangkitkan berhubung Pengurusan Lesen Iklan / Papan Tanda Di Kuala Lumpur tidak berulang di masa hadapan.
 - e. Sistem tender bagi papan iklan atau papan tanda di Kuala Lumpur perlu diperkemaskan.
 - f. Penguatkuasaan bagi iklan haram atau papan tanda haram di Kuala Lumpur perlu diperketatkan dan tindakan tegas perlu diambil bagi memastikan pulangan hasil yang lebih bagi DBKL.
- 6) Orang ramai yang berminat untuk membaca dan meneliti Laporan PAC Parlimen berhubung Pengurusan Lesen Iklan / Papan Tanda di Kuala Lumpur, boleh memuat turun (*download*) laporan berkenaan di laman web PAC di alamat www.parlimen.gov.my/pac.